

10 MAY 1996

ABANG ABU BAKAR WAKILI PM KE IRAN

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Datuk Abang Abu Bakar Mustapha akan mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Iran sempena upacara Pelancaran Sistem Rangkaian Kereta Api di negara itu, Selasa ini (14 Mei).

Kunjungan itu bagi memenuhi jemputan Presiden Akbar Hashemi Rafsanjani yang disampikan melalui Menteri Luar Iran Dr Ali Akbar Velayati semasa beliau (Velayati) mengunjungi Dr Mahathir pada 11 Mac lepas.

Menurut kenyataan JPM hari ini projek laluan kereta api sepanjang 2,620 kilometer itu akan menghubungkan sistem rangkaian kereta api seluruh Iran ke Turkmenistan (Bandar Mashad-Sarakh-Tajan).

Malaysia menganggap projek laluan kereta api itu penting kerana ia membuka pintu dan jambatan yang menghubungkan Asia Barat dengan negara-negara Komanwel Merdeka (CIS) iaitu negara-negara bekas Soviet Union.

"Secara tidak langsung, ia akan membuka peluang kepada usahawan Malaysia untuk meningkatkan perdagangan dan hubungan mereka dengan negara-negara CIS melalui Iran kerana tidak semua perdagangan dengan negara berkenaan boleh dilakukan melalui penerbangan dan pelabuhan," tambah kenyataan itu.

Sistem kereta api itu juga merealisasikan cadangan Dr Mahathir, ketika melawat Iran pada 1993, bahawa pentingnya satu perkhidmatan pengangkutan diwujudkan antara bandar pelabuhan Iran dengan negara-negara CIS.

Semasa berada di sana, Abang Abu Bakar akan mengadakan pertemuan dengan menteri-menteri Iran untuk memperkukuhkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Iran. -- BERNAMA

WI NAK